

# Sistem longkang jalan tidak efisien punca banjir kilat

**PUTRAJAYA 13 Mei** - Sistem saliran longkang jalan tidak efisien dan pembetung yang kecil dikenal pasti sebagai punca utama menyebabkan air tersekat sehingga mengakibatkan banjir kilat di beberapa lokasi di ibu negara semalam.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, purata kedalaman banjir kilat di beberapa lokasi semalam adalah antara 0.3 hingga 1.5 meter, dengan kadar taburan antara 130 hingga 140 milimeter (mm).

Beliau berkata, pemeriksaan pihaknya di kawasan-kawasan terlibat juga mendapati longkang dan sistem saliran sedia ada tidak diselenggara dengan baik dan dipenuhi daun serta sampah sekali gus mengganggu aliran air ke sungai utama.

“Tinjauan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) semasa kejadian juga mendapati paras air di Sungai Klang masih boleh menampung kapasiti air hujan, perkara ini menunjukkan ada yang tidak kena dengan saliran sedia ada kerana aliran air hujan tidak sampai ke sungai tersebut.

“Situasi ini jelas menunjukkan berlakunya masalah dengan sistem saliran longkang jalan dan perparitan kerana tidak diuruskan dengan efisien, saiz pembetung yang kecil turut mengganggu saliran air,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Hari ini *Utusan Malaysia* melaporkan sebanyak 115 kenderaan ter-

perangkap dan hampir tenggelam dalam banjir kilat di pintu masuk Universiti Malaya (UM) di Jalan Lingkungan Budi dan di hadapan Duta Vista, Jalan Sultan Abdul Halim menghala ke Damansara.

Menurut Wan Junaidi, sebagai langkah penyelesaian jangka pendek, kerja-kerja mendalamkan sistem saliran sedia ada dan kerja-kerja penyelenggaraan perlu dilakukan lebih kerap bagi mengelak kejadian banjir kilat kembali berulang.

Mengulas lanjut, Wan Junaidi berkata, bagi langkah penyelesaian jangka panjang, sistem saliran di kawasan Jalan Duta, UM dan Bangsar perlu dinaik taraf oleh pihak berkaitan, kementerian juga sedang meneliti mengenai saiz pembetung yang tidak dapat menampung aliran air apabila berlakunya hujan lebat.

“Kementerian melalui JPS akan membuat penelitian dalam hal ini, kemungkinan besar pembetung yang menghubungkan mana-mana saliran di kawasan terlibat dan berisiko perlu ditukar kepada saiz yang lebih besar untuk membolehkan aliran air berjalan lancar.

“Saya juga telah mengarahkan pengarah JPS negeri untuk memeriksa saiz pembetung di kawasan masing-masing sebagai perediaan untuk berhadapan dengan situasi luar jangka, saya berikan



**WAN JUNAIDI  
TUANKU JAAFAR**

tempoh seminggu untuk mereka beri maklum balas,” katanya.

Selain itu katanya, sebagai jalan terbaik dalam menyelesaikan masalah tersebut, JPS telah menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam dan reka bentuk terperinci mengikut Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk diserahkan kepada kerajaan negeri dan

pihak berkuasa tempatan (PBT).

“MSMA yang merupakan satu garis panduan kepada profesional terutamanya jurutera membuat perancangan infrastruktur saliran mesra alam melalui konsep kuantiti dan kualiti di peringkat punca, kaedah ini diyakini mampu mencegah banjir kilat, banjir lumpur dan pencemaran sungai.

“Selain itu, dalam hal ini pihak kerajaan negeri dan PBT perlu memainkan peranan masing-masing, kerja-kerja penyelenggaraan perlu dilakukan dengan lebih kerap bagi memastikan sistem saliran tidak tersumbat,” katanya.

Mengulas adakah projek pembinaan di sekitar ibu negara menjadi faktor banjir kilat semalam, Wan Junaidi berkata, itu juga menjadi salah satu punca yang mengakibatkan banjir kilat tersebut berlaku, namun apa yang pasti saliran longkang jalan yang tidak efisien dan pembetung yang kecil adalah punca utama.